



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **18 Dec2021 (Saturday)**

Berita Harian

Siasatan MPHS sahkan ada rekahan	1
Pemilik kilang dipanggil beri keterangan	2

Utusan Malaysia

Lesen penjaja sementara Selangor dilanjut enam bulan	3
--	---

Harian Metro

BAU SEAKAN DIESEL	4
Pemilik premis sudah dipanggil	5
MACAM MANA NAK SELESAI NI?	6
UCAPAN KUFUR TANPA SEDAR	7

Kosmo

Pemilik kilang jentera dipanggil soal siasat	8
--	---

Sinar Harian

Sisa plastik import berulang?	9
Polis siasat kes pencemaran air	10

The Star

Explore greater Klang Valley	11
COMPOUND DISCOUNT	12
'New traders can keep operating'	13
Police investigate pollution report in Semenyih	14

New Straits Times

FACTORY OWNER PROBED OVER SG SEMENYIH ODOUR POLLUTION	15
---	----

China Press

Puchong business area resumed water supply at midnight, restaurant hawkers started their business.	16
Unusual smell and odor threshold reached level 5, the water treatment station was suspended for 3 hours.	17
MDEC and SIDEC encourage SMEs to join TopzMall, Lee Pei Ling is appointed as Chinese New Year goods promotion ambassador.	18
Taliworks Corp. won a water supply contract worth more than RM600 million, securities firms revise upward its financial forecasts.	19

Sin Chew Daily

Water supply recovery gradually after 1 day of water outage	20
Police will investigate the incident of Semenyih river odor pollution, factory owner involved in the case was summoned to record a statement	21

Guang Ming Daily

Factory owner was reported to be suspected of polluting the Semenyih River and took a statement	22
Most of the water supply in the affected area is restored	23

Kwong Wah Yit Poh



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Air Selangor will investigate the source that caused Semenyih river pollution, it may come from heavy machinery repair plant



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
18 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Siasatan MPHS sahkan ada rekahan
Muka Surat	:	7

Siasatan MPHS sahkan ada rekahan

Kuala Lumpur: Siasatan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) terhadap Pangsapuri Seri Cempaka, Pinggiran Tasik Kiambang dekat Serendah, mendapati berlaku rekahan di beberapa struktur bangunan kediaman terbabit.

Pemeriksaan awal itu mendapati, keretakan berlaku di bahagian permukaan dinding luar bahagian bawah bangunan *ground beam*, tiang (*column*) di bahagian tangga dan sebahagian permukaan dinding.

MPHS dalam kenyataannya semalam, berkata rekahan pada bangunan terbabit memerlukan siasatan lanjut dan laporan daripada badan profesional.

"Jabatan Bangunan MPHS dan beberapa agensi teknikal, sudah membuat lawat periksa pada 7 April 2021 berhubung isu aduan yang dibangkitkan penduduk.

"Pangsapuri terbabit berusia lebih 20 tahun, terdiri daripada



Keratan akhbar BH pada 1 Disember lalu.

pembangunan kediaman berstrata yang mempunyai 90 petak, kos sederhana rendah yang mengandungi 3 blok dan 5 tingkat. Pembangunan ini juga dibangunkan oleh pemaju, Elegant Rank (M) Sdn Bhd dan status syarikat berkenaan masih wujud," katanya.

BH pada 1 Disember lalu, melaporkan 450 penduduk daripada 120 keluarga yang mendiami Pangsapuri Seri Cempaka itu, hidup dalam kebimbangan berikutan berlaku keretakan pada struktur kediaman mereka yang didakwa semakin teruk.

Tinjauan BH terhadap tiga blok pangsapuri lima tingkat berusia lebih 15 tahun itu, mendapati ada keretakan terutama di aras bawah struktur dinding luar bangunan dan beranda kebanyakan rumah.

Mengulas lanjut, MPHS berkata, kawasan pemajuan itu juga tidak mempunyai pengurusan yang dilantik mengikut peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

"Ia berikutan kegagalan pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) di kawasan pemajuan itu. Sekiranya ada pihak pengurusan di pangsapuri berkenaan, penyenggaraan dan pengurusan bangunan adalah menggunakan wang daripada akaun penyenggaraan.

"Ia merujuk kepada Subseksyen 24(3)(m) dan (n), Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), yang memperuntukkan bahawa; Akaun penyenggaraan yang di-

sebut dalam subseksyen (1) hendaklah digunakan semata-mata bagi maksud membayar perbelanjaan am atau lazim yang sebenar atau dijangkakan," katanya.

MPHS berkata, mereka akan memastikan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) di kawasan pemajuan itu dapat dilaksanakan pada 2022 bagi memudahkan pengurusan dan penyelenggaraan terhadap kediaman strata berkenaan.

"Adalah menjadi tanggungjawab kepada pihak pengurusan dilantik, sekiranya ada untuk melantik profesional yang berkaitan bagi mengesahkan kegagalan struktur bangunan untuk diambil tindakan sewajarnya.

"Selain itu, majlis juga akan mengadakan perbincangan lanjut bersama agensi teknikal yang terbabit akan diadakan bagi membantu mencari penyelesaian terhadap isu dibangkitkan," katanya.



KERATAN AKHBAR		
18 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pemilik kilang dipanggil beri keterangan
Muka Surat	:	14

Pencemaran bau di LRA Sungai Semenyih

Pemilik kilang dipanggil beri keterangan

Putrajaya: Pemilik sebuah kilang di Dengkil dipanggil bagi membantu siasatan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang kelmarin, susulan pencemaran bau di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih.

Timbalan Ketua Polis Daerah Sepang, Superintendan Md Noor Aehwan Mohammad, berkata polis menerima laporan daripada Pasukan Khas Lembangan dan Alur Air (PAKAR) pada jam 8.50 pagi kelmarin berhubung pencemaran bau di LRA Sungai Semenyih, di Jenderam Hilir, Dengkil dan terpaksa dihenti tugas pada jam 9 pagi.

Beliau berkata, siasatan dibuat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan kerana melakukan perbuatan khianat sehingga menyebabkan berlaku pemutusan bekalan air kepada orang ramai.

Katanya, keterangan pengadu yang mengesan punca bau abnormal dari kilang terbabit juga diambil dan kertas siasatan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya selepas siasatan lengkap.

"Pemilik premis mendakwa pihaknya tidak melepaskan sisa abnormal ke dalam Sungai Semenyih sebaliknya premis berkenaan mempunyai penapis untuk merawat sisa buangan yang mengalir masuk ke pemetung

sebelum memasuki Sungai Semenyih.

"Hasil siasatan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), PAKAR dan polis di dua premis kilang berkenaan mendapati tiada efluen dilepaskan, namun wujud satu aliran bawah tanah yang disyaki mengeluarkan bahan buangan kelihatan seakan-akan minyak," katanya.

Noor Aehwan berkata, Unit Forensik IPK Selangor juga sudah mengambil lima sampel air di laluan yang dinyatakan pengadu dan di muka sauk LRA berkenaan.

Katanya, sampel air turut diambil dari dalam premis kilang yang disyaki terma-

suk sampel perbandingan yang diambil oleh pihak pengadu untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk perbandingan.

"Semua sampel dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis dan tindakan lanjut," katanya.



Md Noor Aehwan Mohammad

463 kawasan alami gangguan bekalan air



Keratan akhbar BH, semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 18 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Lesen penjaja sementara Selangor dilanjut enam bulan
Muka Surat	:	16

Lesen penjaja sementara Selangor dilanjut enam bulan

KUALA SELANGOR – Pembeiran lesen penjaja sementara kepada golongan berpendapatan rendah di Selangor dilanjutkan sehingga Jun tahun hadapan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pembangunan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng Sze Han berkata, lesen sementara itu sepatutnya berakhir pada hujung bulan ini, namun dilanjutkan enam bulan lagi selepas diputuskan kerajaan negeri dalam usaha membantu penjaja yang terjejas sepanjang pandemik Covid-19.

"Terdapat kira-kira 200,000 penjaja kecil dan sederhana yang terkesan di seluruh Selangor. Jika kita tidak membantu rakyat dan peniaga, ia dikhuatiri akan menyebabkan kesan negatif kepada sosio ekonomi.

"Justeru, kerajaan negeri ber-setuju melanjutkan tempoh lesen penjaja sementara sehingga Jun 2022," katanya ketika merasmikan Medan Selera Bestari Jaya di sini semalam.

Menurut Sze Han, musim pandemik mengakibatkan rakyat hilang pekerjaan termasuk yang terpaksa berniaga kecil-kecilan

untuk meneruskan kehidupan.

"Kita memang memberi lesen penjaja sementara di tempat awam, namun mereka perlu mematuhi syarat ditetapkan terutama tidak mendatangkan kacau ganggu kepada orang awam," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pembinaan Medan Selera Bestari Jaya itu diharap memberi peluang kepada peniaga untuk menjalankan perniagaan dengan lebih selesa dan terjamin sekaligus mengurangkan aduan melibatkan penjaja tepi jalan yang mengganggu lalu lintas.



SZE HAN (tiga kanan) beramah mesra dengan sebahagian penjaja di Medan Selera Bestari Jaya, Kuala Selangor semalam.



KERATAN AKHBAR		
18 December 2021		
Akbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	BAU SEAKAN DIESEL
Muka Surat	:	8

BAU SEAKAN DIESEL

Kilang selenggara jentera berat dipercayai jadi punca pencemaran bau di muka sauk LRA Sungai Semenyih

Oleh Norzamira Che Nor
 am@hmetro.com.my

Shah Alam

Sebuah kilang selenggara jentera berat dipercayai menjadi punca pencemaran bau seakan diesel di muka sauk Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih (Jenderam Hilir), awal pagi kelmarin.

Itu adalah kejadian kedua berasingan selepas Lembaga Urus Air Selangor (Luas) mengesan pencemaran air berbuih di Kampung Rinching Tengah, Semenyih di sini pada hari sama.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian berkata, Luas menerima maklumat berhubung pencemaran kedua itu daripada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd pada jam 8.45 pagi.

Beliau berkata, siasatan Luas berhampiran sebuah premis kilang menyelenggara jentera berat mendapati terdapat pelepasan efluen yang mengandungi air basuhan termasuk cecair seperti minyak disyaki mengalir masuk ke pembentung (*culvert*) sebelum memasuki Sungai Semenyih.

"Sehubungan itu, Luas sudah mengaktifkan Kod Kuning berdasarkan Manual Kecemasan Pencemaran Sumber Air bagi siasatan secara menyeluruh.

"Inisiatif pencegahan dipertingkatkan dengan meletakkan empat beg serbuk



PETUGAS Luas memasang 'oil boom' dan serbuk karbon teraktif bagi mengelakkan sisa minyak terus mengalir ke Sungai Semenyih. - Gambar Facebook Luas

karbon teraktif (*activated carbon*) dan *oil boom* bagi menahan sisa minyak daripada masuk ke dalam Sungai Semenyih," katanya.

Mengulas lanjut, Loy Sian berkata, pensampelan yang dijalankan Luas di kawasan titik pelepasan yang terbabit juga sudah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) bagi tujuan analisa.

Katanya, anggaran jarak lokasi pencemaran berkenaan adalah 1.5 kilometer (km) di hulu muka sauk Jenderam Hilir.

"Tindakan kawalan segera di tapak dalam tempoh kurang empat jam membolehkan LRA Sungai Semenyih beroperasi semula pada jam 12.30 tengah hari semalam,"

katanya.

Beliau berkata, Luas juga menjalankan pemantauan statik bermula jam 2 petang kelmarin di aliran pertengahan di Sungai Semenyih.

Jelasnya, pensampelan ujian bau dijalankan setiap satu jam dan menunjukkan keadaan air sungai kelihatan normal dan bacaan bau adalah sifar (kosong) ton.

"Pemantauan rapi dari semasa ke semasa masih diteruskan oleh Luas bersama agensi berkaitan.

"Majlis Perbandaran Sepang (MPS) turut memaklumkan premis kilang yang menyelenggara jentera berat itu akan disita dan Luas juga sudah membuat satu laporan polis di Balai Polis

Seksyen 15, Shah Alam.

"Sekiranya disabitkan dengan kesalahan mengikut Seksyen 79 (1) Enakmen Luas 1999 denda minimum RM200,000 dan maksimum RM1 juta dan penjaranya tidak kurang tiga tahun boleh dikenakan malah surat arahan mengikut Seksyen 121(1) Enakmen yang sama dikeluarkan kepada premis bagi pembersihan lokasi pencemaran serta-merta.

"Insiden ini adalah insiden yang berlainan daripada yang berlaku kelmarin membabitkan pencemaran air berbuih di Kampung Rinching Tengah, Semenyih dan berjaya ditangani oleh Luas sebelum ia menjejaskan operasi LRA," katanya.



KERATAN AKHBAR
18 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pemilik premis sudah dipanggil
Muka Surat	:	8

Pemilik premis sudah dipanggil

Putrajaya: Pemilik premis dikaitkan dengan pencemaran bau di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih kelmarin sudah dipanggil bagi membantu siasatan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang, semalam.

Timbalan Ketua Polis Daerah Sepang Superintendan Md Noor Aehwan Mohammad berkata, polis menerima laporan dari Pasukan Khas Lembangan dan Alur Air (Pakar) pada jam 8.50 pagi kelmarin berhubung pencemaran bau di LRA Sungai Semenyih di Jenderam Hilir, Dengkil dan terpaksa dihenti tugas pada jam 9 pagi hari sama.

Menurutnya, siasatan dibuat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksan ke-

rana melakukan perbuatan khianat sehingga menyebabkan berlaku pemutusan bekalan air kepada orang ramai.

Katanya, keterangan pengadu yang mengesan punca bau abnormal dari kilang itu juga sudah diambil dan kertas siasatan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya selepas siasatan lengkap.

“Pemilik premis mendakwa pihaknya tidak melepaskan sisa abnormal ke dalam Sungai Semenyih sebaliknya premis berkenaan mempunyai penapis untuk merawat sisa buangan yang mengalir masuk ke pembentung sebelum memasuki Sungai Semenyih.

“Hasil siasatan Lembaga



Pemilik premis mendakwa pihaknya tidak melepaskan sisa abnormal ke dalam Sungai Semenyih sebaliknya premis berkenaan mempunyai penapis untuk merawat sisa buangan”

Md Noor Aehwan Mohammad

Urus Air Selangor (Luas), pakar dan polis di dua premis kilang berkenaan mendapati tiada sebarang efluen dilepaskan namun terdapat satu aliran bawah

tanah yang disyaki mengeluarkan bahan buangan kelihatan seakan-akan minyak,” katanya.

Noor Aehwan berkata, Unit Forensik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor juga sudah mengambil lima sampel air di laluan yang dinyatakan pengadu dan di muka sauk LRA berkenaan.

Menurutnya, sampel air turut diambil dari dalam premis kilang yang disyaki termasuk sampel perbandingan yang diambil oleh pihak pengadu untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat.

“Kesemua sampel dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis dan tindakan lanjut,” katanya.



KERATAN AKHBAR		
18 December 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	MACAM MANA NAK SELESAI NI?
Muka Surat	:	11

ISU SAMPAH IMPORT 2018 TIADA PENYELESAIAN

MACAM MANA NAK SELESAI NI?

Kuala Lumpur

Tanpa bersarung tangan, penyidik alam sekitar Wong Pui Yi menyelongkar longgok bendela sisa buangan plastik kotor dan berhabuk ditinggalkan di rumah kedai di Kawasan Perindustrian Pulau Indah di Klang, Selangor.

Terdiri daripada campuran sisa plastik dan kertas, sesetengah bendela tersebut masih ada label produk. Satu daripada label dalam bahasa Belanda tentang makanan dan beralamat di Afrika Selatan. Longgokan sisa buangan memenuhi segenap ruang premis antara satu daripada beberapa timbunan sampah di kawasan terbabit.

"Ini bahan buangan campuran diimport. Barangkali sudah ada di sini sejak 2018 atau 2019. Dulu cukup mudah bawa masuk sisa buangan ini, sekarang lebih sukar," jelasnya.

Selapas China menghentikan pembelian hampir semua sisa plastik pada Januari 2018, Malaysia menjadi destinasi popular penyedut bahan buangan. Menurut kerajaan dan juga statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia mengimport lebih 850,000 tan sisa plastik pada tahun itu dengan sebahagiannya dibuang begitu saja manakala yang laindibakar di kilang kitar semula beroperasi secara haram atau ditinggalkan terbiar.

Malaysia memperketat peraturan kebenaran mengimport, meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan di pelabuhan, memulangkan ber-



Ini bahan buangan campuran diimport. Barangkali sudah ada di sini sejak 2018 atau 2019. Dulu cukup mudah bawa masuk sisa buangan ini, sekarang lebih sukar"

Wong

dozen kontena membawa 'plastik kotor' ke negara asal dan mengambil tindakan tegas terhadap kilang kitar semula tidak berlesen. Akan tetapi, selepas tiga tahun, negara masih lagi bergelut untuk 'membuang' sampah dibawa masuk sebelum ini.

Wong merupakan penyidik tadbir urus plastik Pusat Memerangi Rasuah dan Kronisme (C4) berkata, ada banyak sebab sisa buangan ditinggalkan terbiar.

Antaranya ialah sesetengah sampah tidak boleh dikitar semula kerana merupakan campuran tercemar dengan sisa buangan perbandaran, disifatkan sebagai 'plastik kotor'. Contoh 'plastik kotor' ialah bekas plastik diperbuat daripada plastik kitar semula yang mempunyai sisa makanan.

Sebab lain ialah pemilik melarikan diri atau premis tersebut pernah ditinggalkan apabila operasi kilang haram berdekatan ditutup.

"Sesetengah plastik ini terurai menjadi plastik mikro, dibawa air dan dimakan oleh kita," kata Wong sambil menuding jari ke arah anak sungai yang mengalir berhampiran tapak pembuangan itu.

"Masalahnya sekarang bagaimana nak bersihkan," tambah beliau.

Menurut pegawai di Majlis Perbandaran Klang (MPK), di kawasan itu sahaja ada empat tapak pembuangan sisa dan 1,600 lot dengan beberapa kilang haram beroperasi.

"Dah bawa barang salah, tentulah dibuang sesuka hati," kata Zaireezal Ahmad Zairuddin daripada Jabatan Perkhidmatan Persekitaran MPK.

Pakar pengurusan sisa Prof Dr P Agamuthu daripada Sunway University menyimpulkan situasi itu sebagai modus operandi syarikat yang membawa masuk sampah secara haram, selalunya dengan memalsukan dokumen atau melabelkan secara salah jenis sisa.

"Apabila mereka dapati 70 dan 80 peratus bahan tersebut tidak berbaloi dikitar semula, mereka akan buang, sebab kalau mereka bawa ke tapak pelupusan sampah mereka perlu bayar tip," jelas beliau.

Pengusaha kitar semula plastik Datuk Johnson Yoon yang bersetuju dengan pandangan itu berkata, ramai operator kitar semula tidak berlesen meninggalkan sisa terbiar kerana proses kitar semula kompleks dan mahal.

"Jika JAS (Jabatan Alam Sekitar) panggil saya dan suruh saya bersihkan sisa buangan di Pulau Indah, saya juga sakit kepala," katanya.

Plastik memberi kesan jangka panjang hingga ke masa depan. Ini kerana plastik tidak mendegradasi (terurai) selain hanya boleh dikitar semula untuk beberapa kali sahaja.

Menurut Bank Dunia, 1.82

bilion tan sisa pepejal domestik dihasilkan dunia setahun. Menjelang 2050, sisa ini dijangka meningkat kepada 3.08 bilion tan setahun.

Penyelidik Sahabat Alam Malaysia (SAM) Mageswari Sangaralingam pula berkata, berikutan kewujudan lebihan sisa plastik, ramai pelabur asing datang dan mengoperasikan pusat kitar semula bagi menangani isu sampah terbabit.

"Ramai buat secara haram kerana untuk menubuhkan kemudahan berlesen, anda perlu lalui pelbagai proses bagi mendapatkan semua permit dan lesen, semua ini mengambil masa," katanya.

Yoon yang juga Setiausaha Agung Persatuan Pengitar Semula Plastik Malaysia (MPRA) mengimbas kembali tempoh berkenaan dengan penuh rasa marah. Katanya tindakan operator haram terbabit memburukkan nama pengitar semula yang berlesen.

"Kami hentikan terus operasi. Jadi, anda boleh tengok sendiri betapa teruknya kesan ke atas pengitar semula berlesen... memang serius. Kami rugi besar," ujarnya.

Tambah Yoon, sebelum ini masyarakat memandang pengitar semula dalam konteks positif namun kini setiap kali ada laporan media tentang sisa plastik import, akan ada komen negatif selain kejian menyusul.

"Kami (penggiat) industri kitar semula. Orang panggil kami sebagai 'orang sampah' disebabkan kilang haram terbabit. Kami 'sampah'," kata Yoon.

Malaysia bertindak balas terhadap limpahan sisa buangan dengan mengetatkan peraturan berhubung siapa yang boleh mengimport menerusi 19 kriteria yang perlu dipenuhi sebelum mereka boleh diberi-

kan lesen. Selain itu, kontena membawa sisa buangan khusus perlu diimbangi di samping tindakan keras diambil terhadap kilang kitar semula haram.

Di sebalik tindakan tegas kerajaan, impak limpahan sisa plastik dibawa masuk pada 2018 dan 2019 masih dirasakan dan akan terus dirasai untuk satu tempoh yang akan datang.

Mageswari yang juga Setiausaha Kehormat SAM memberi amaran isu operator haram belum berakhir dan orang ramai harus terus berwaspada bagi melindungi alam sekitar. Sesetengah operator terbabit masih berada di Malaysia.

"Apabila kerajaan ambil tindakan di Selangor, operasi kilang dipindahkan ke tempat lain," katanya.

Masalah sampah ini bukan setakat ditinggalkan terbiar di Pulau Indah dan tapak lain. Ini kerana 17,000 tan plastik ditemui di Jenjarom sebelum ini masih tertanam di sana.

Bernama menyertai sekumpulan aktivis tempatan melawat tapak pembuangan haram dan kilang kitar semula. Menurut aktivis masyarakat Tan Ching Hin, pemilik tanah tidak mengizinkan sisa plastik sebelum menanam rumput di kawasan itu. Tertanam jauh di dalam tanah di situ ialah cebisan pembungkusan plastik bersertakan arahan dalam bahasa Sepanyol.

Tidak banyak boleh dilakukan pihak berkuasa tempatan (PBT) terhadap saki-baki sisa buangan plastik di Jenjarom. Namun mereka bertanggungjawab mengalihkan dan membersihkan premis.

"Banyak kes kita bersihkan. Tapi isunya, kadang-kadang orang ambil kesempatan," kata Zaireezal yang merupakan Pengarah Perkhidmatan Persekitaran MPK.

Beliau menganggarkan kos mengalihkan, melupuskan dan membersihkan sisa plastik sekitar RM10,000 bagi 30,000 tan. Ia kos yang tinggi, justeru, mereka tidak mampu melakukannya dengan kerap.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baharu Selangor Ng Sze Han dalam e-melnya kepada Bernama berkata, orang awam harus membuat aduan kepada pihak berwajib jika mereka mengesan pelanggaran undang-undang alam sekitar.

"Kerajaan negeri ini tidak membenarkan sisa buangan ditinggalkan terbiar," katanya.

Mengulas lanjut, Ng berkata, kerajaan Selangor berulang kali menegaskan tidak menyokong dasar membenarkan import sisa plastik.

"Pendirian kami setiap negara harus bertanggungjawab terhadap sisa buangan mereka," tegas Ng.

Pihak kerajaan pula berkata, undang-undang sedia ada sudah memadai kerana mereka tidak boleh menghentikan terus pengimportan sisa plastik berikutan permintaan industri kitar semula tempatan yang mahu sisa plastik industri, bukan sisa plastik perbandaran/domestik. Menurut Bank Dunia, industri itu menyumbang AS\$7.23 bilion kepada ekonomi negara pada 2018.

Apa juga haluan yang diambil negara pada masa depan, paling penting ialah mengambil kira kesan plastik terhadap semua aspek kehidupan manusia.



SISA buangan plastik tidak boleh dikitar semula yang dibuang atau ditinggalkan terbiar memberi impak negatif kepada alam sekitar.



KERATAN AKHBAR		
18 December 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	UCAPAN KUFUR TANPA SEDAR
Muka Surat	:	15

JAGA TUTUR KATA

UCAPAN KUFUR TANPA SEDAR



Bersama
Dr Mohd Khafidz Soroni



Terdapat berbagai ucapan yang wajar di jauhi oleh seorang Muslim sama ada ia boleh jatuh kufur atau menunjukkan kurang adab terhadap Allah SWT

dalah lumrah manusia sering melakukan kesalahan dan kesilapan. Ini kerana tiada manusia yang maksum melainkan Nabi AS. Namun, kesalahan dan kesilapan yang berlaku perlulah segera dibaiki dan diperbetulkan. Sekiranya ia berkait dengan hak Allah SWT, maka segeralah dia memohon ampun dan bertaubat kepada-Nya.

Setengah orang mungkin tersilap tutur kata yang boleh menggugurkan imannya, seperti contohnya dia berkata: "Tuhan juga adalah makhluk halus." Sama ada sedar atau tidak, dia sebenarnya telah mengatakan bahawa Allah SWT adalah makhluk atau menyamakan Allah dengan makhluk. Sedangkan Allah SWT adalah Khaliq yang mencipta dan menjadikan, bukannya makhluk yang dicipta dan dijadikan. Segala yang wujud selain Allah SWT adalah makhluk tanpa syak dan ragu lagi. Dia yang berkuasa mencipta dan menjadikan segalanya, sedangkan makhluk tiada berkuasa sedikit pun.

Jika dia sengaja mengucapkan perkataan tersebut serta tahu maksudnya, maka ia adalah satu kekhufuran yang jelas. Wajib dia bertaubat dan memohon ampun kepada Allah SWT. Bagaimanapun, jika dia tidak sengaja mengucapkannya kerana jahil atau tidak sedar, maka ia dimaafkan dan tidak jatuh kufur. Ini berdasarkan sabda Nabi SAW: "Sesungguhnya Allah memaafkan bagi umatku kerana tersalah, terluar dan perbuatan yang dipaksakan ke atasnya." (Riwayat al-Hakim, dan katanya: Sahih)

Namun begitu, dia perlu lebih berhati-hati untuk tidak lagi mengulanginya. Kesilapan mirip seperti ini pernah disebutkan oleh Nabi SAW dalam sebuah hadis baginda sabdanya: "Sungguh kegembiraan Allah kerana taubat hamba-Nya melebihi kegembiraan salah seorang daripada kalian terhadap binatang tunggangannya di sebuah padang pasir yang luas, namun tiba-tiba binatang tersebut lepas. Sedangkan di atasnya ada bekal makanan dan minumannya sehingga akhirnya dia berasa putus asa untuk mencari. Kemudian dia beristirehat di bawah sebatang pohon dalam keadaan putus asa untuk menemuinya kembali. Sewaktu dalam keadaan itu, tiba-tiba dia mendapati binatang tunggangannya sudah ada berdiri



SETIAP individu Muslim harus menjaga tutur kata yang boleh menggugurkan iman.

di sisinya. Dia pun segera mengambil tali kekangnya kemudian berkata dengan sangat gembira: "Ya Allah, Engkau hambaku dan aku ini Tuhanmu." Dia tersalah tutur kata kerana terlalu gembira." (Riwayat Muslim)

Nabi SAW menggambarkan perasaan pengembara tersebut amat gembira sehingga tanpa sengaja dia telah tersalah tutur kata. Padahal sebenarnya dia ingin menyebut: "Ya Allah, Engkau Tuhanku dan aku ini hamba-Mu." Walaupun dimaafkan kerana hakikatnya dia tidak mengiktikadkan maksudnya, namun kesilapan sebegini hendaklah di jauhi dalam keadaan seseorang itu sejahtera dan waras akal fikirannya.

Terdapat berbagai ucapan yang wajar di jauhi oleh seorang Muslim sama ada ia boleh jatuh kufur atau menunjukkan kurang adab terhadap Allah SWT. Perkara ini turut dibincangkan dan dijelaskan dengan baik oleh Imam an-Nawawi dalam kitab al-Azkar. Antaranya berkaitan sabda Nabi SAW: "Janganlah kamu sekalian berkata: 'Apa yang dikehendaki Allah dan dikehendaki si-polan', tetapi katakanlah: 'Apa yang dikehendaki Allah, kemudian apa yang dikehendaki si-polan'." (Riwayat Abu Dawud dengan sanad sahih)

Menurut Imam al-Khattabi,



hadis ini menunjukkan kepada aspek adab (dalam pertuturan). Ini kerana perkataan 'dan' adalah bagi menunjukkan perkumpulan dan perkongsian bersama, sedangkan perkataan 'kemudian' adalah bagi menunjukkan persambungan kata serta adanya tertib susunan dan selang masa. Maka, Nabi SAW mengajarkan mereka supaya mendahulukan kehendak Allah SWT ke atas kehendak yang selain-Nya. Diriwatikan daripada Ibrahman an-Nakhaie bahawa beliau tidak suka seseorang berkata: "Aku berlindung dengan Allah dan juga denganmu", tetapi harus dia berkata: "Aku berlindung dengan

Allah, kemudian denganmu." Ulama turut menyatakan, harus dia berkata: "Kalau bukan kerana Allah, kemudian si-polan, nescaya aku lakukan sekian, sekian", tetapi janganlah dia berkata: "Kalau bukan kerana Allah dan si-polan."

Ini membuktikan bahawa perkataan yang sedikit jika tidak berhati-hati boleh memberi kesan negatif yang cukup besar. Perkataan 'dan' seperti contoh di atas boleh menggambarkan seolah-olah dia menyirikkan Allah SWT meskipun tanpa disedari.

Dalam hadis lain Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya nama yang paling buruk di sisi Allah Taala ialah seseorang yang digelar Malik al-Amlak (Raja segala raja)." - (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Sufyan bin 'Uyainah berkata: "Ia adalah sama seperti Syahan Syah", yang juga bermaksud 'Raja segala raja' dalam bahasa Parsi. Kata Imam an-Nawawi: "Diharamkan dengan pengharapan yang keras seseorang berkata kepada sultan atau selainnya daripada makhluk: 'Syahan Syah' kerana maknanya ialah Raja segala raja, dan tidak disifatkan sedemikian melainkan hanya Allah SWT sahaja."

Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)



KERATAN AKHBAR
18 December 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Pemilik kilang jentera dipanggil soal siasat
Muka Surat	:	16



LRA Sungai Semenyih di Jenderam Hilir, Sepang, Selangor dihenti tugas selepas dikesan berlakunya pencemaran di Sungai Semenyih kelmarin. – AIR SELANGOR

Polis siasat kes pencemaran di Sungai Semenyih

Pemilik kilang jentera dipanggil soal siasat

Oleh **EDDY HAMIDI**

SEPANG – Polis membuka kertas siasatan berhubung kejadian pencemaran di lembangan Sungai Semenyih yang mengakibatkan Loji Rawatan Air (LRA) di Jenderam Hilir, Dengkil di sini terpaksa dihenti tugas kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, pihaknya menerima laporan terdapat pengesanan bau pada kadar lima ton di LRA tersebut.

"Pasukan Air Selangor, Jabatan Alam Sekitar, Lembaga Urus Air Selangor dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara telah menjalankan siasatan di lokasi dan mengesyaki pencemaran berpunca dari sebuah kilang.

"Lima sampel air di laluan seperti yang dinyatakan pengadu dan di muka sawk LRA diambil oleh Polis Selangor termasuk di dalam premis kilang yang disya-



KERATAN Kosmo! semalam.

ki," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut beliau, sampel perbandingan yang diambil oleh Air Selangor turut diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk perbandingan selain dihantar ke Jabatan Kimia untuk tindakan selanjutnya.

Tambahnya, pemilik premis turut dipanggil untuk dirakam keterangan bagi membantu siasatan kes itu kelmarin.

"Pemilik kilang jentera itu menafikan melepaskan sisa ke dalam Sungai Semenyih sebaliknya premisnya mempunyai

penapis yang turut merawat sisa buangan yang masuk ke dalam parit di bahagian luar.

"Siasatan masih diteruskan dan kertas siasatan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya selepas siasatan selesai," ujarnya.

Kosmo! semalam melaporkan masalah gangguan bekalan air tidak berjadual sekali lagi menghantui penduduk di 463 kawasan di lima wilayah di Selangor kelmarin.

Air Selangor mengesan pencemaran bau diesel di Sungai Semenyih menyebabkan LRA Sungai Semenyih dihenti tugas.

Sehingga pukul 3 petang semalam, bekalan air di kawasan terjejas pulih 96.5 peratus.

Pada 31 Ogos lalu, 463 kawasan itu turut menerima akibat sama apabila LRA Sungai Semenyih dihenti tugas selepas mengesan pencemaran bau di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir.



KERATAN AKHBAR
18 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sisa plastik import berulang?
Muka Surat	:	13

Aktivis alam sekitar
 sifatkan Malaysia masih
 dibelenggu isu sisa
 plastik import sejak
 tahun 2018

KUALA LUMPUR

Tanpa bersarung tangan, penyelidik alam sekitar Wong Pui Yi menyelongkar longgokan bendela sisa buangan plastik yang kotor dan berhabuk, ditinggalkan di sebuah rumah kedai di Kawasan Perindustrian Pulau Indah di Klang, Selangor.

Terdiri daripada campuran sisa plastik dan kertas, setengah bendela tersebut masih mempunyai label produk iaitu satu daripada label itu dalam bahasa Belanda yang menerangkan tentang makanan dan beralamat di Afrika Selatan.

Longgokan sisa buangan berkenaan yang memenuhi segenap ruang premis, hanyalah satu daripada beberapa timbunan sampah di kawasan terbabit.

"Sisa buangan ini adalah bahan buangan campuran yang di-import (barangkali sudah ada di sini sejak) 2018, 2019.

"Dulu cukup mudah untuk bawa masuk sisa buangan ini, sekarang lebih sukar," jelasnya di lokasi bagi menyelami permasalahan sisa plastik import yang dihadapi negara ini.

Selepas China menghentikan pembelian hampir kesemua sisa plastik pada Januari 2018, Malaysia menjadi destinasi popular buat penyeludup bahan buangan.

